

SISTEM NOTASI TARI RAKYAT MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA: KAJIAN KES YAYASAN WARISAN JOHOR DAN JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

LENG POH GEE

UNIVERSITI SAINS MALAYISA

2022

SISTEM NOTASI TARI RAKYAT MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA: KAJIAN KES YAYASAN WARISAN JOHOR DAN JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA

oleh

LENG POH GEE

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2022



PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Mumtaz Begum Aboo Backer, selaku penyelia yang banyak membantu, memberikan tunjuk ajar dan nasihat yang amat bernilai dalam menjalankan kajian ini, biarpun berada dalam tempoh pandemik yang penuh dengan pelbagai cabaran. Terima kasih kepada staf pentadbiran dan pengurusan Pusat Pengajian Seni USM yang selalu menyampaikan mesej dengan tepatnya. Tidak lupa ucapan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi sebagai penaja pengajian serta Abdul Hamid Chan dan Clare Chan Suet Ching sebagai penjamin saya.

Saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Mohd Anis Md Nor yang memperkenalkan dan menggalakkan penglibatan saya ke dalam bidang notasi tari. Kebijaksanaan, kesungguhan dan komitmen beliau terhadap pengajian seni tari tempatan sememangnya menjadi teladan. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan Bahagian Pembangunan Seni Budaya dari Yayasan Warisan Johor serta Jabatan Kebudayaan & Kesenian yang membenarkan saya mengakses data dan maklumat pembangunan notasi. Terima kasih kepada rakan-rakan dan guru-guru tari yang mencurahkan tenaga dan masa untuk kajian ini. Terima kasih kepada Azura Abal Abas dan Muhaini Ahmad.

Tidak lupa kepada ahli keluarga yang tercinta, Tan Shioa Por, Leng Zi Qian dan Leng Zi Jing yang amat bersabar dan menyokong sepenuhnya usaha saya selama ini. Pengorbanan kalian amat saya hargai dan kenangi selagi hayat dikandung badan.



KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI NAMA SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN.....	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Permasalahan kajian.....	16
1.2.1 Kekurangan literatur dalam kaedah pengnotasian	16
1.2.2 Limitasi pemahaman peranan notasi tari rakyat Melayu	19
1.2.3 Ketidakpastian dalam kebolegunaan notasi tari rakyat Melayu ..	22
1.3 Persoalan kajian.....	24
1.4 Objektif kajian.....	24
1.5 Kepentingan kajian.....	25
1.6 Skop kajian	27
1.7 Rumusan bab	28
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	30
2.1 Pengenalalan	30
2.2 Tari rakyat Melayu	35

2.2.1	Istilah-istilah kategori tari Melayu.....	35
2.2.2	Ragam dan langkah.....	44
2.3	Sistem notasi tari	58
2.4	Labanotasi di Semenanjung Malaysia.....	63
2.4.1	Rudolf von Laban (1879 – 1958).....	63
2.4.2	Kaedah Laban	65
2.4.3	Labanotasi.....	72
2.4.4	Perkembangan Labanotasi di Semenanjung Malaysia.....	84
2.4.4(a)	Penubuhan institusi pengajian tinggi dalam tari	84
2.4.4(b)	Penganjuran persidangan pengajian tari	88
2.4.4(c)	Penerbitan akademik	90
2.4.4(d)	Peranan SEAMEO SPAFA.....	93
2.4.4(e)	Peranan pengajar tari.....	98
2.4.4(f)	Adaptasi pengetahuan Labanotasi oleh YWJ	101
2.4.5	Rumusan perkembangan Labanotasi di Semenanjung Malaysia.	102
2.5	Notasi tari di Semenanjung Malaysia.....	104
2.5.1	Ilustrasi gerak sebagai pilihan utama.....	106
2.5.1(a)	Notasi tapak kaki.....	107
2.5.1(b)	Ilustrasi posisi penari	124
2.5.1(c)	Pelan pola lantai (<i>Floor plan</i>)	140
2.5.2	Deskripsi gerak sebagai transkripsi tari.....	147
2.5.2(a)	Penggunaan bahasa harian	148
2.5.2(b)	Sistem terminologi tari yang khusus.....	156
2.6	Kritikan tari	167
2.7	Kerangka teori	170

2.8	Kerangka konseptual	173
2.9	Rumusan bab	177
BAB 3	METODOLOGI.....	182
3.1	Reka bentuk kajian	182
3.2	Autoetnografi	183
3.2.1	Pengalaman kepenggunaan notasi	186
3.3	Pendekatan ahli dalaman (<i>insider</i>) dan luaran (<i>outsider</i>).....	194
3.4	Pemerhatian peserta.....	195
3.5	Kaedah kajian kes.....	196
3.6	Penyelidikan perpustakaan dan Internet.....	197
3.7	Analisis gerak dan analisis notasi.....	198
3.8	Tugasan rawak untuk perbandingan.....	199
3.9	Rumusan bab	201
BAB 4	KAJIAN KES I: SISTEM NOTASI YAYASAN WARISAN JOHOR	202
4.1	Pengenalan	202
4.2	Notasi Tapak YWJ	205
4.2.1	Inventori <i>kineme</i> zapin.....	205
4.2.2	Pembacaan skor Notasi Tapak.....	213
4.2.3	Pengedaran Notasi Tapak di bengkel kejurulatihan	217
4.2.4	Perbandingan antara Notasi Tapak dengan Labanotasi	221
4.3	Notasi Vertikal YWJ	227
4.3.1	Inventori semula <i>kineme</i> zapin	230
4.3.2	Arah badan dan ruang pentas.....	243
4.3.3	Penghitungan lagu zapin.....	245
4.3.4	Pembacaan skor Notasi Vertikal.....	253

4.4	Cadangan lanjutan Notasi YWJ	258
4.5	Rumusan bab	261

BAB 5 KAJIAN KES II: SISTEM NOTASI JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA; KESIMPULAN DAN CADANGAN 268

5.1	Pengenalan	268
5.2	Inventori gerak dan ragam.....	277
5.3	Bengkel pembinaan modul InspiTari	283
5.4	Pembacaan skor Notasi JKKN	286
5.5	Isu kepenggunaan Notasi JKKN	293
5.6	Limitasi kajian Notasi JKKN	299
5.7	Cadangan lanjutan Notasi JKKN	302
5.8	Sistem notasi YWJ dan JKKN	307

5.9 Kesimpulan dapatan 310

5.10	Cadangan kajian lanjutan	326
5.11	Penutup.....	328

RUJUKAN 330

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

**SENARAI JADUAL****Halaman**

Jadual 1.1	Rumusan untuk permasalahan, persoalan dan objektif kajian.....	25
Jadual 2.1	Perbandingan Gerak Asas antara zapin gaya kampung dengan gaya kebangsaan (Disusun semula berdasarkan Mohd Anis, 2001) ..	39
Jadual 2.2	Kaedah Analisis Struktural Gerak Kaeppler	46
Jadual 2.3	Analisis struktur gerak asas zapin gaya kampung.....	50
Jadual 2.4	Analisis struktur gerak asas zapin gaya kebangsaan	51
Jadual 2.5	Senarai kursus Labanotasi anjuran SPAFA dan pesertanya.....	94
Jadual 2.6	Senarai repertoir, notator dan penyemak notasi dalam Laporan SPAFA (1993)	97
Jadual 2.7	Program pengetahuan Labanotasi yang pernah dikendalikan oleh pengkaji	101
Jadual 2.8	Senarai zapin yang telah diselidik oleh YWJ (YWJ, 2013)	115
Jadual 2.9	Inventori simbol petunjuk Notasi Tapak dan adaptasi pengetahuan Labanotasi yang berkaitan.....	118
Jadual 2.10	Deskripsi dan notasi posisi penari bagi Frasa Tari Kelima, Ayak-ayak (Disusun semula berdasarkan Marion, 1979, hlm.90-98)	128
Jadual 2.11	Perbandingan antara skor notasi posisi penari antara Marion (1979) dengan Ahmad Omar (2005)	135
Jadual 2.12	Deskripsi bagi skor Labanotasi dan ilustrasi posisinya (Marriett & Topaz, 1986, hlm.35)	162
Jadual 2.13	Kategori <i>air work</i> dalam Labanotasi	163
Jadual 3.1	Pengalaman pengajaran dan pembelajaran notasi	192
Jadual 4.1	Terminologi gerak <i>kineme</i> zapin	208
Jadual 4.2	Perbandingan deskripsi Notasi Tapak dengan pelaksanaan ragam sebenar	215
Jadual 4.3	Senarai skor Notasi Tapak yang diedarkan dalam Bengkel Kejurulatihan Tari 2007	219



Jadual 4.4	Perbandingan pembelajaran ragam zapin melalui skor Labanotasi dan Notasi Tapak	223
Jadual 4.5	Penambahbaikan sistem Notasi Vertikal untuk mengatasi kelemahan Notasi Tapak	242
Jadual 4.6	Perbandingan deskripsi Notasi Vertikal dengan deskripsi Notasi Tapak.....	255
Jadual 5.1	Senarai tarian gubahan baharu bersempena dengan InspiTari Tahun 2013, 2014, 2015 yang telah dinotasikan dan sumber olahan tari	275
Jadual 5.2	Latar belakang Notasi Tapak, Notasi Vertikal dan Notasi JKKN....	309
Jadual 5.3	Peranan sistem notasi tari rakyat Melayu YWJ dan JKKN.....	315
Jadual 5.4	Pembentukan sistem notasi tari rakyat Melayu YWJ dan JKKN.....	319

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	Contoh skor Labanotasi yang menerangkan pelbagai jenis lompatan balet seiring dengan terminologi gerak (Sumber: Topaz, M. 1996, hlm.87).....	5
Rajah 1.2	Contoh skor Notasi Benesh (sebelah kanan) yang menerangkan pergerakan balet seiring dengan terminologi gerak (sebelah kiri) (Sumber: <i>Royal Academy of Dance</i> , 2010, hlm.48-49).....	6
Rajah 1.3a	Skor Notasi Tapak untuk Langkah Satu, Zapin Pekajang (YWJ, n.d., hlm.42).....	11
Rajah 1.3b	Skor Notasi Vertikal untuk Langkah Satu, Zapin Pekajang (Md Ismail, Nur Najjwa, Hamidah, Leng & Ismail, n.d., hlm.99).....	11
Rajah 1.4	Notasi ciptaan JKKN untuk ragam Iluk Semandak Setempat daripada tarian Iluk Semandak melalui deskripsi dan foto (Sumber: Mohd Zin & Zuriah, 2015, hlm.126).....	14
Rajah 2.1	Contoh karya seni visual sebagai skor dalam pengajaran tarian kreatif (Sumber: Koleksi kerja lapangan)	72
Rajah 2.2	Babak pengajaran dan pembelajaran Labanotasi untuk zapin (Jurugambar: Hafzan Zannie Hamza)	78
Rajah 2.3	Halaman hadapan <i>Chara Menari Ronggeng dan Mak Inang</i> (Daud, 1965).....	109
Rajah 2.4	Kandungan buku <i>Chara Menari Ronggeng dan Mak Inang</i> (Daud, 1965).....	109
Rajah 2.5	Notasi, foto dan deskripsi Gerak Langkah Lelaki (Gerak Maju) dalam buku <i>Chara Menari Ronggeng dan Mak Inang</i> (Daud, 1965).....	110
Rajah 2.6	Peta Petunjuk Notasi Tapak (YWJ, n.d.).....	117
Rajah 2.7a	Skor Notasi Tapak untuk Langkah Lurus (Asas), Zapin Pulau (YWJ, n.d., hlm.9)	122
Rajah 2.7b	Skor Notasi Vertikal untuk Langkah Lurus (Asas), Zapin Pulau (Md Ismail, Nur Najjwa, Hamidah, Leng, & Ismail, n.d., hlm.70).....	122
Rajah 2.8	Petikan daripada notasi Tarian Rontak Kudo (Zuriah, 2016b, hlm.41).....	126

Rajah 2.9	Petikan Catatan Gerak Tari dan Gambar Rajah Tari sebagai sistem notasi Joget Gamelan oleh Almarhumah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Mariam dari Terengganu (Ahmad Omar, 2005. hlm.56)	133
Rajah 2.10	Notasi posisi penari Campak Lenggang Sambut Gong (Ahmad Omar, 2005, hlm.89)	134
Rajah 2.11	Contoh penggunaan skor ilustrasi posisi penari dalam buku teks Seni Tari Sekolah Seni Malaysia Tingkatan 1 untuk menotasikan ragam Unta (Mumtaz Begum, Hafzan Zannie & Ismail, 2017, hlm.70).....	139
Rajah 2.12	Pelan pola lantai yang menunjukkan kedudukan terakhir kumpulan (Mohd Ghouse, 1994, hlm.112)	140
Rajah 2.13	Pelan pola lantai yang menunjukkan keberlangsungan laluan perjalanan sekumpulan penari sehingga ke kedudukan akhir (Marion, 1979, hlm.69)	141
Rajah 2.14	Pola lantai yang menunjukkan kedudukan pemain persembahan rodat pada <i>setting</i> ruang yang berbeza (Zani, 2004, hlm.27)	143
Rajah 2.15	Pembahagian ruang pentas	144
Rajah 2.16a	Pelan pola lantai dengan cara Labanotasi dalam buku teks Seni Tari Sekolah Seni Malaysia Tingkatan 1 (Mumtaz Begum, Hafzan Zannie & Ismail, 2017, hlm.140)	145
Rajah 2.16b	Pelan pola lantai dalam buku teks Seni Tari Sekolah Seni Malaysia Tingkatan 1 (Mumtaz Begum, Hafzan Zannie & Ismail, 2017, hlm.158).....	146
Rajah 2.17	<i>Pataka</i> (Sumber: https://www.pinterest.com/pin/456130268492432807/).....	159
Rajah 2.18a	Pelbagai gerak <i>arabesque</i> dalam balet (Sumber: https://ballethub.com/ballet-term/arabesque/)	161
Rajah 2.18b	Corak <i>arabesque</i> di Masjid Umayyad, Syria (Sumber: https://en.wikipedia.org/wiki/Arabesque)	161
Rajah 2.19	Kerangka konseptual	174
Rajah 2.20	Hubungan pelbagai sistem notasi tari rakyat Melayu yang wujud di Semenanjung Malaysia.....	180
Rajah 4.1	Hubungan antara <i>supporting leg</i> dengan <i>working leg</i> dalam posisi zapin yang berbeza (Jurugambar: Latimin Keman).....	207



Rajah 4.2	Pembahagian ruang pentas	210
Rajah 4.3	Peta Petunjuk Notasi Tapak (YWJ, n.d.).....	212
Rajah 4.4	Ragam Asas Zapin Melayu Johor (YWJ, n.d., hlm.1)	214
Rajah 4.5	Catatan dan senarai gerak semasa inventori gerak zapin (Sumber: Lapangan kajian)	232
Rajah 4.6a	Peta Petunjuk Simbol Notasi Vertikal halaman 1 (Sumber: Edaran untuk semakan dalaman, 2019).....	233
Rajah 4.6b	Peta Petunjuk Simbol Notasi Vertikal halaman 2 (Sumber: Edaran untuk semakan dalaman, 2019).....	234
Rajah 4.6c	Peta Petunjuk Simbol Notasi Vertikal halaman 3 (Sumber: Edaran untuk semakan dalaman, 2019).....	235
Rajah 4.7	Penerangan untuk <i>pivot</i> (garisan hijau), <i>cartwheel</i> (garisan biru) dan <i>somersault</i> (garisan merah).....	238
Rajah 4.8	Peta Petunjuk simbol baharu untuk <i>kineme</i> spesifik (Md Ismail, Nur Najjwa, Hamidah, Leng, & Ismail, n.d., hlm.11).....	241
Rajah 4.9	Simbol dan nama arah kawasan pentas (Topaz & Blum, 1996, hlm.63)	244
Rajah 4.10	Skor lagu Sireh Pinang untuk Zapin Tanjung Labuh (Md Ismail, Nur Najjwa, Hamidah, Leng, & Ismail, n.d., hlm.139).....	247
Rajah 4.11	Luahan ketidakpuasan jurulatih YWJ melalui FB (Sumber: FB Iskandar Shah, 6 November 2019)	252
Rajah 4.12	Skor Notasi Vertikal bagi Ragam Asas, Zapin Melayu Johor (Md Ismail, Nur Najjwa, Hamidah, Leng, & Ismail, n.d., hlm.17).....	254
Rajah 4.13a	Skor Notasi Tapak bagi Ragam Asas, Zapin Melayu Johor (YWJ, n.d., hlm.1)	266
Rajah 4.13b	Skor Notasi Vertikal bagi Ragam Asas, Zapin Melayu Johor (Md Ismail, Nur Najjwa, Hamidah, Leng, & Ismail, n.d., hlm.17).....	266
Rajah 4.13c	Skor Labanotasi bagi Ragam Asas, Zapin Melayu Johor (Sumber: Koleksi peribadi)	266



Rajah 4.14	Barisan Kakitangan Bahagian Pembangunan Seni Budaya dan jurulatih YWJ (Sumber: Bengkel Penyediaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Zapin 2019)	267
Rajah 5.1	Notasi dan deskripsi bagi Tarian Layang Mas terbitan JKKN (Jumaninor, 2020, hlm.22)	270
Rajah 5.2a	Ilustrasi posisi penari dalam tari (Jumaninor, 2018b, hlm.37-38)	280
Rajah 5.2b	Ilustrasi posisi tangan dalam tari (Jumaninor, 2018a, hlm.21).....	281
Rajah 5.2c	Ilustrasi posisi duduk dalam tari (Jumaninor, 2017, hlm.51).....	282
Rajah 5.3	Ragam Kuis Pusing dalam Notasi JKKN (Zuriah, 2016b, hlm.32).....	288
Rajah 5.4	Gerak Acah dalam Notasi JKKN (Zuriah, 2016b, hlm.127).....	291
Rajah 5.5a	Cadangan A penjelasan gerak transisi antara dua posisi	293
Rajah 5.5b	Cadangan B penjelasan gerak transisi antara dua posisi	293



SENARAI NAMA SINGKATAN

ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
DNB	<i>Dance Notation Bureau</i>
HKAPA	<i>Hong Kong Academy for Performing Arts</i>
ICKL	<i>International Council of Kinetography Laban</i>
ICTM	<i>International Council for Traditional Music</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JSBN	Jurulatih Seni Budaya Negara
KBN	Kompleks Budaya Negara
KBSC	Kumpulan Bimbingan Seni Budaya
KeKKWa	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
KLMI	<i>Korea Laban Movement Institute</i>
LD	<i>Lighting Designer</i>
LMA	<i>Laban Movement Analysis</i>
L.R.T	<i>Light Rail Transit</i>
MQF	<i>Malaysian Qualifications Framework</i>
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
SEAMEO	<i>Southeast Asian Ministers of Education Organization</i>
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SPAFA	<i>Southeast Asian Regional Centre for Archaeology and Fine Arts</i>
TNUA	<i>Taipei National University of the Arts</i>
UM	Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
WDA	<i>World Dance Alliance</i>
YWJ	Yayasan Warisan Johor



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	PROFIL RINGKAS PENGAJAR MUDA BAGI LABANOTASI DI IPTA
LAMPIRAN B	HUBUNGAN SALASILAH PENGAJAR LABANOTASI DI IPTA
LAMPIRAN C	DRAF SOALAN UNTUK SESI TEMU BUAL
LAMPIRAN D	SURAT PELANTIKAN FASILITATOR PENGNOTASIAN ZAPIN YWJ
LAMPIRAN E	LAPORAN FASILITATOR PENGNOTASIAN ZAPIN YWJ
LAMPIRAN F	SURAT PELANTIKAN PENCERAMAH BENGKEL MODUL PdP ZAPIN JOHOR TAHUN 2019
LAMPIRAN G	SURAT UNDANGAN MENGHADIRI MESYUARAT PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ZAPIN JOHOR
LAMPIRAN H	SURAT PELANTIKAN SEBAGAI KOREOGRAFER BAGI BENGKEL TARI BERSEMPENA DENGAN INSPITARI TAHUN 2013
LAMPIRAN I	SURAT PELANTIKAN SEBAGAI FASILITATOR PROGRAM PENGGUBALAN MODUL KUMPULAN BIMBINGAN SENI CEMERLANG (KBSC) SIRI 2 – HALAMAN 1/2
LAMPIRAN J	SURAT PELANTIKAN SEBAGAI FASILITATOR PROGRAM PENGGUBALAN MODUL KUMPULAN BIMBINGAN SENI CEMERLANG (KBSC) SIRI 2 – HALAMAN 2/2

**SISTEM NOTASI TARI RAKYAT MELAYU DI SEMENANJUNG
MALAYSIA: KAJIAN KES YAYASAN WARISAN JOHOR DAN
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA**

ABSTRAK

Tesis ini memfokuskan pembangunan dan amalan sistem notasi tari rakyat Melayu melalui kajian kes Yayasan Warisan Johor (YWJ) dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Dalam pengajian tari tempatan, literatur yang berkaitan dengan notasi tari adalah amat terhad dan hal ini menyebabkan berlakunya limitasi terhadap pemahaman peranan serta fungsi notasi tari dalam mempromosikan keberlangsungan tari rakyat Melayu. Melalui metodologi kualitatif seperti etnografi dan analisis struktural gerak, tesis ini mengidentifikasikan pelbagai kaedah pengnotasian yang sedia wujud di Semenanjung Malaysia serta menerangkan kepentingan notasi tari dalam menyampaikan struktur dan bentuk tari rakyat Melayu. Tesis ini menunjukkan penciptaan notasi daripada YWJ dan JKKN menjadi satu proses yang berwaspada dan fleksibel apabila pihak pengasas dapat memilih dan mengintegrasikan pelbagai kaedah notasi seperti deskripsi, ilustrasi serta adaptasi daripada Labanotasi demi merakamkan dan melestarikan repertoire zapin dan tarian gubahan baharu daripada InspiTari. Tesis ini mencadangkan penggunaan notasi yang terdiri daripada gabungan simbol dan terminologi sebagai sistem notasi yang paling sesuai dalam mentranskripsikan tari rakyat Melayu.

**MALAY FOLK DANCE NOTATION SYSTEM IN PENINSULAR
MALAYSIA: CASE STUDY OF YAYASAN WARISAN JOHOR
AND JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA**

ABSTRACT

This thesis focuses on the development and the exercise of dance notation systems for Malay folk dance through the case studies of Yayasan Warisan Johor and the Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara. In the local dance studies, the literature related to dance notation is inadequate and this causes limitations on the understanding of the roles and functions of dance notation in promoting Malay folk dance. Through qualitative methodologies such as ethnography and movement structural analysis, this thesis identifies the various existing notation systems in peninsular Malaysia; and explains the importance of dance notation in conveying the structure and form of Malay folk dance. This thesis shows that notation systems created by YWJ and JKKN are the deliberate and flexible process in which the founders select and integrate various notation methods such as descriptions, illustrations and adaptations from Labanotation in order to record and preserve the repertoires of *zapin* and *tarian gubahan baharu* from InspiTari. This thesis suggests that the notation systems combining symbols and terminology is the most appropriate for transcribing Malay folk dance.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang kajian

Guest (1984) mendefinisikan notasi tari sebagai “satu penterjemahan daripada pergerakan empat dimensi (masa menjadi dimensi keempat) ke dalam bentuk tanda bertulis pada kertas dua dimensi¹” (hlm.XIV). Berdasarkan definisi ini, notasi ialah segala dokumentasi dua dimensi yang berupaya menerangkan pergerakan dan membolehkan pergerakan dipersembahkan semula mengikut tatagerak yang termaktub. Dokumentasi ini boleh terdiri daripada pelbagai bentuk, sama ada pengungkapan deskripsi, ilustrasi rajah (seperti simbol, foto dan lain-lain) atau kombinasi antara pelbagai bentuk.

Tesis ini memfokuskan pembangunan sistem notasi yang digunakan untuk merakamkan tari rakyat Melayu di Semenanjung Malaysia dengan memilih Yayasan Warisan Johor (YWJ) dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sebagai kajian kes utama. Pihak YWJ menghasilkan sistem notasi yang menggunakan rajah tapak kaki untuk mendokumentasikan zapin, manakala JKKN menciptakan sistem notasi yang menggabungkan ilustrasi penari dan deskripsi gerak untuk merakamkan repertoire tarian gubahan baharu daripada siri Festival InspiTari. Kewujudan sistem notasi tari tersendiri ini telah menunjukkan hasrat pihak tertentu untuk memastikan kesinambungan dan kelestarian tari rakyat Melayu.

Sistem notasi tari tersendiri ini diandaikan sebagai suatu yang tidak formal kerana sistem ini bukan kurikulum atau subjek yang terancang untuk tujuan pengajaran

¹ Penerangan asli: *Dance notation is the translation of four-dimensional movements (time being the fourth dimension) into signs written on two-dimensional paper.*

dan pembelajaran di Sekolah Seni Malaysia mahupun Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sistem tersebut mengandungi tujuan ekspresi yang spesifik berdasarkan keperluan komuniti pengamal. Skor notasi tari yang tidak formal ini biasanya dicipta dan digunakan oleh pengamal tari atau peminat tegar bagi sesuatu tari bertujuan untuk mengingati sistem pergerakan tari kegemaran mereka tanpa bergantung pada memori sahaja selain berhasrat untuk berkongsi pengetahuan tari dengan masyarakat umum. Dalam tesis ini, YWJ dan JKKN sebagai kajian kes masing-masing merupakan peminat tegar bagi pelbagai zapin di negeri Johor dan tarian gubahan baharu Melayu daripada Festival InspiTari.

Dalam bidang tari, apabila ditanyakan tentang notasi tari yang formal, biasanya orang umum kurang arif mengenainya. Sistem notasi tari yang formal umumnya terdiri daripada Labanotasi dan Notasi Benesh. Kedua-dua sistem notasi tari yang formal ini memiliki pelbagai simbol yang boleh menerangkan pergerakan badan dari segi arah, aras, masa dan bahagian badan yang melaksanakan pergerakan. Namun, kedua-dua sistem notasi ini hanya boleh diakses oleh golongan tertentu seperti pelajar dan penyelidik daripada program pengajian tari di institusi pengajian tinggi (khas Labanotasi) serta pengamal seni tari balet (khas Notasi Benesh). Dengan erti kata yang lain,edaran pengetahuan terhadap Labanotasi dan Notasi Benesh adalah amat terhad. Biasanya, orang umum mengandaikan penggunaan Labanotasi dan Notasi Benesh ialah sesuatu yang eksklusif dan dikaitkan dengan status kelayakan seseorang pengamal tari yang pernah menuntut ilmu tari di IPT atau pernah mempelajari seni balet.


Jurang kefahaman dan akses antara notasi muzik Barat dengan notasi tari Barat yang formal dalam kalangan masyarakat umum adalah amat besar. Hal ini disebabkan oleh perkembangan pendidikan muzik tempatan yang formal sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi amat dipengaruhi oleh sistem muzik Barat yang formal ekoran daripada kesan pengalaman pemerintahan kolonial British (Zaharul Lailiddin & Shahanum, 2015). Sama seperti perkembangan notasi muzik, perkembangan notasi tari yang formal adalah amat bergantung pada pembangunan pendidikan tari yang formal. Permulaan pendidikan tari yang formal adalah lebih lewat berbanding dengan pendidikan muzik. Pendidikan tari formal di IPT bermula pada tahun 1994 dengan penubuhan program tari di Akademi Seni Kebangsaan yang kini dikenali sebagai Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA²), dan kemudiannya diikuti oleh Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Teknologi MARA yang membolehkan Labanotasi mula diperkenalkan kepada golongan mahasiswa. Pendidikan tari formal di sekolah menengah pula bermula pada pertengahan 1990-an melalui penubuhan Sekolah Seni Malaysia³ di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengenalan Labanotasi yang mudah diperkenalkan dalam kalangan murid Sekolah Seni Malaysia. Notasi dalam bentuk ilustrasi dan deskripsi digunakan dalam buku teks (Mumtaz Begum, Hafzan Zannie & Ismail, 2017; Mumtaz Begum, Mohd Hairil Anuar Bari & Muhamad Farif, 2017). Dengan erti kata yang lain, ilustrasi menjadi pilihan dalam pendidikan tari formal pada peringkat sekolah menengah.

² Sila rujuk laman web ASWARA <http://www.aswara.edu.my/webportal/ms/> untuk keterangan lanjut.

³ Sila rujuk laman web Kementerian Pendidikan Malaysia <https://www.moe.gov.my/pendidikan/pendidikan-menengah/sekolah-seni-malaysia> untuk keterangan lanjut.

Di Semenanjung Malaysia, notasi tari formal yang merujuk Labanotasi (Rajah 1.1) dan Notasi Benesh (Rajah 1.2) tidak asing lagi bagi sesetengah pengamal dan ahli akademik tari. Labanotasi merupakan satu daripada kursus wajib bagi tiga Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menawarkan program pengajian tari, iaitu ASWARA, Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Walaupun ketiga-tiga IPT itu memperkenalkan tahap kurikulum Labanotasi yang berbeza (asas, menengah dan tinggi), mahasiswa tetap didedahkan dengan pengetahuan dan prinsip pergerakan asas Labanotasi. Notasi Benesh pula biasa dijumpai dalam modul balet yang diterbitkan oleh *Royal Academy of Dance* (RAD). Modul RAD mengandungi deskripsi pergerakan latihan balet yang terdiri daripada terminologi balet yang spesifik seiring skor Notasi Benesh yang berkaitan (Rajah 1.2). Walau bagaimanapun, bukan semua pengajar balet RAD yang bertauliah menguasai pengetahuan Notasi Benesh kerana bukan satu syarat bagi pentauliah. Pemahaman terminologi dan pelaksanaan gerak balet adalah lebih diutamakan.

Kedua-dua Labanotasi dan Notasi Benesh ialah produk budaya Barat abad ke-20 yang dianggapkan sebagai bahasa pengantaraan tari yang membolehkan pelancaran komunikasi antara pengamal, notator dan pembaca. Bagi masyarakat umum, kedua-dua sistem notasi ini ialah bahasa yang susah dibaca dan rumit difahami apatah lagi diterjemahkannya ke dalam bentuk gerak. Oleh itu, sistem notasi Barat ini bukan fokus utama tesis ini kerana aksesnya adalah amat terhad berbanding dengan sistem notasi ciptaan sendiri yang lebih mesra digunakan. Namun, tesis ini mengakui bahawa pengetahuan Labanotasi amat berpengaruh dalam pembangunan sesetengah sistem notasi tari rakyat Melayu tempatan.



Rajah 1.1 Contoh skor Labanotasi yang menerangkan pelbagai jenis lompatan balet agar seiring dengan terminologi gerak (Sumber: Topaz, 1996, hlm.87)

ALLEGRO 2 - MALE AND FEMALE 1-16

2
4 2 counts = 1 bar

Commence: 5th position
Right foot devant Bras bas

Intro
4 counts

1-4	Hold	Basic port de bras to 2nd
&	Coupé dessus left foot devant	Arm 3rd left arm forward Head over front arm
1-2	Coupé fouceté raccourci sauté derrière	Arms through 2nd to 3rd right arm forward Head over front arm
&	Coupé dessous to face 5	Arms 1st
3-4	Posé en avant and petit assemblé en avant in 5th	Arms 2nd arabesque line
&5	Pas de basque sauté en avant to face 6 finishing with right leg raised low derrière	Arms through 1st to 2nd arabesque line
6	Petit assemblé en avant in 5th	
7	Glissade devant	Arms 3rd left arm forward Head to 5
8	Assemblé dessous	Arms through 2nd to bras bas
1	Sissonne fermée en avant	Arms through 1st to demi bras Head erect
2	Sissonne fermée en arrière	
3	Sissonne fermée de côté dessus facing l	Arms 3rd left arm forward Head to left
&4	Straighten legs and demi plié	
5	Brisé dessus	Arms 3rd right arm forward
&6	Straighten legs and demi plié	
7	Brisé dessous	
8	Straighten legs	
1-16	Repeat to other side	Arms through 2nd to bras bas

ALLEGRO 2 - MALE AND FEMALE

Moderate Rag

Rajah 1.2 Contoh skor Notasi Benesh (sebelah kanan) yang menerangkan pergerakan balet seiring dengan terminologi gerak (sebelah kiri) (Sumber: *Royal Academy of Dance*, 2010, hlm.48-49)

Sistem notasi ciptaan tempatan yang terdiri daripada pelbagai jenis ilustrasi dan deskripsi sememangnya senang dijumpai bukan sahaja dalam penerbitan buku pengajian tari, tetapi juga dalam buku-buku yang berkaitan dengan latihan senaman fizikal, sains sukan, seni pertahanan diri, permainan tradisional, upacara ritual dan sebagainya. Sistem notasi tersendiri ini diciptakan oleh komuniti pengamal yang amat komited sehingga rela berusaha mengorbankan masa dan tenaga untuk membangunkan skor notasi bagi tujuan promosi dan perkongsian sesuatu pengamalan seni gerak. Komuniti yang bertanggungjawab boleh terdiri daripada pihak kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan. Sistem notasi yang khusus ini merupakan rujukan atau panduan bagi komuniti pengamal yang spesifik di samping dijadikan bahan promosi untuk orang awam. Kepenggunaan notasi tersendiri ini berbeza daripada

notasi formal dalam bidang akademik. Niat penciptaan notasi tersendiri ini berakarumbikan keperluan amalan sesuatu tari, manakala notasi formal sedaya upaya untuk menjadi neutral supaya boleh digunakan untuk menotasikan sistem tari yang berbeza.

Pelbagai sistem notasi yang khusus dibangunkan untuk memenuhi keperluan tari rakyat Melayu yang berbeza. Tesis ini cuba menerangkan peranan notasi dalam usaha meneruskan kesinambungan budaya tari rakyat Melayu, khususnya pelbagai zapin yang dinotasikan oleh YWJ serta tarian gubahan baharu Festival InspiTari yang dinotasikan oleh JKKN. Festival InspiTari merupakan festival tari anjuran JKKN yang memaparkan karya tarian gubahan baharu yang dihasilkan oleh Kumpulan Seni JKKN daripada 13 negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tarian gubahan baharu merujuk tarian rekaan baharu daripada artis tari JKKN yang “berasaskan imej dan identiti negeri dan masyarakat Malaysia” (JKKN, 2013, hlm.5). Dalam masyarakat majmuk di Malaysia, elemen tari rakyat Melayu sering dijadikan sumber olahan pergerakan yang utama dalam menghasilkan karya tarian gubahan baharu. Tesis ini hanya memfokuskan tarian gubahan baharu yang diolahkan daripada tari rakyat Melayu. Tari rakyat Melayu merujuk Melayu Asli, inang, joget dan zapin (Mohd Anis, 2011). Sebagai contoh, JKKN Kuala Lumpur telah memanipulasikan gerak asas tarian inang dan joget yang generik untuk menghasilkan Lenggang Bukit Bintang pada InspiTari Tahun 2014 dan Tarian Joget Kasih L.R.T pada InspiTari Tahun 2013; kedua-dua repertoir ini telah dinotasikan dan diterbitkan (Mohd Zin & Zuriah, 2015; Zuriah, 2016b).



Tari sebagai pengetahuan warisan lisan atau warisan kebudayaan tidak ketara (*intangible cultural heritage*) adalah senang dipinggirkan atau dilupakan disebabkan oleh faktor seperti kekurangan minat dalam kalangan golongan muda, keuzuran dan kematian guru atau pengajar, kehilangan tajaan atau sokongan daripada pihak berkuasa seperti istana dan kerajaan, dan perubahan pola kehidupan sosial serta budaya ekoran daripada urbanisasi dan digitalisasi. Kehilangan amalan tari yang penting semakin disedari oleh para penggiat seni tari (sama ada individu atau institusi). Hal ini mendesak mereka untuk terus bertindak dalam mengamalkan, memulihara, mempertahankan dan mengadaptasi sesuatu tari supaya kesinambungan identiti komuniti boleh dilangsungkan. Dalam *Convention for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage* (2003), UNESCO mendefinisikan *safeguarding* atau pemeliharaan sebagai:



“... measures aimed at ensuring the viability of the intangible cultural heritage, including the identification, documentation, research, preservation, protection, promotion, enhancement, transmission, particularly through formal and non-formal education, as well as the revitalization of the various aspects of such heritage.”



Saranan UNESCO menekankan dokumentasi, penyelidikan, pemuliharaan dan promosi sebagai pertimbangan yang penting dalam pengendalian dan pengkalan warisan kebudayaan tidak ketara. Penekanannya melibatkan aspek pelestarian sesuatu budaya tradisi yang bukan hanya terhad kepada golongan pengamal, tetapi harus terbuka kerana warisan budaya tidak ketara dianggapkan sebagai khazanah manusia yang sepatutnya dikongsi bersama-sama demi kesejahteraan sejagat. Park (2013) memerhatikan konsep pemeliharaan sesuatu warisan budaya lokal semakin menjadi perkara yang harus dipertanggungjawabkan bersama-sama pada peringkat antarabangsa.



International society recognises cultural heritage as a common point for all mankind, and the international community also acknowledges the need to promote cultural heritage transmission to the next generation while emphasising preservation and improved public accessibility beyond the limited concept of private ownership (hlm.17).


Untuk menyahut saranan sama ada daripada UNESCO atau Park, pengnotasian tari sebagai satu dokumentasi adalah wajar dijalankan. Dalam usaha menyebarkan warisan tari rakyat Melayu sama ada pada peringkat kebangsaan atau pada peringkat antarabangsa yang boleh melangkau batasan pelbagai kaum dan budaya, komuniti pengamal tempatan telah mengambil keputusan menghasilkan sistem notasi tersendiri sebagai satu kaedah alternatif untuk tujuan promosi dan pelestarian seni tari ke peringkat yang lebih meluas.

Tesis ini meneliti pelbagai pembangunan sistem notasi tari rakyat Melayu oleh pihak YWJ dan JKKN yang terdiri daripada deskripsi dan ilustrasi demi melangsungkan kesinambungan tari sebagai satu warisan kebudayaan tidak ketara. Sistem notasi yang dihasilkan oleh mereka ini adalah secara berperingkat melalui usaha kakitangannya dengan kerjasama daripada golongan penggiat seni tari dan pakar akademik yang berkaitan. Bengkel, seminar, semakan silang (*cross-check*), percubaan keberkesanan notasi, pencarian data etnografi dan lain-lain lagi telah dilakukan demi menyempurnakan sistem notasi tersebut. Tesis ini ingin membahaskan pertimbangan dan langkah berjaga-jaga yang diambil oleh organisasi tersebut dalam menyempurnakan sistem notasi amalan tari masing-masing.

Zapin merupakan satu genre tari rakyat Melayu yang amat popular dalam kalangan warga Johor tanpa mengira kaum, jantina dan status. Negeri Johor dipercayai

merupakan pusat pengembangan zapin yang memiliki pelbagai zapin daripada daerah yang berbeza. Zapin dikenal pasti, dikaji secara etnografi, didokumentasikan, dipersembahkan dan disebarkan secara sistematik. Sekurang-kurangnya terdapat 18 jenis zapin dalam daerah di negeri Johor yang telah mengalami penginstitutionan di bawah Bahagian Pembangunan Seni dan Budaya YWJ seperti Zapin Melayu Johor dari Johor Bahru, Zapin Tenglu dari Mersing, Zapin Parit Mastar dari Pontian, Zapin Tanjung Labuh dari Batu Pahat, Zapin Putar Alam dari Muar dan lain-lain lagi. Program pemugaran zapin yang strategik dan berperingkat dimulakan sejak awal 1990-an ekoran daripada penerbitan buku *Zapin: Folk Dance of the Malay World* pada tahun 1993 yang diterbitkan oleh Oxford University Press (Mohd Anis, 2014).

Pihak YWJ membangunkan dua sistem notasi untuk merakamkan zapin yang dijadikan sebagai rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran serta kejurulatihannya. Dalam perbincangan ini, pengkaji mengenali kedua-dua sistem tersebut sebagai Notasi Tapak dan Notasi Vertikal (masih tiada penamaan yang khas dirasmikan oleh YWJ). Notasi Tapak (Rajah 1.3a) diasaskan pada akhir tahun 1990-an, manakala Notasi Vertikal (Rajah 1.3b) diasaskan pada akhir tahun 2000-an. Kedua-dua sistem yang dibangunkan secara berperingkat ini bergantung pada ilustrasi tapak kaki dan simbol sepenuhnya. Tujuan Notasi Vertikal diasaskan untuk menggantikan Notasi Tapak supaya pembelajaran zapin boleh disebarkan dengan lebih meluas sehingga ke peringkat antarabangsa. Perkara signifikan yang ingin ditegaskan ialah Notasi Vertikal telah mengadaptasikan pengetahuan Labanotasi untuk kegunaan lokal. Tesis ini menganalisis fungsi dan peranan kedua-dua sistem notasi tersebut.



Rajah 1.3a Skor Notasi Tapak untuk Langkah Satu, Zapin Pekajang (YWJ, n.d., hlm.42)

Rajah 1.3b Skor Notasi Vertikal untuk Langkah Satu, Zapin Pekajang (Md Ismail, Nur Najjwa, Hamidah, Leng & Ismail, n.d., hlm.99)

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan satu badan kerajaan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia pada tahun 2005 yang kini menetapkan misi sebagai “peneraju seni budaya dalam mendukung seni untuk seni, seni untuk perpaduan dan seni budaya untuk penjana ekonomi ke arah pembentukan jati diri dan kesejahteraan masyarakat⁴”. Jabatan ini giat menjalankan program promosi seni tari melalui persembahan, bengkel, seminar dan lain-lain lagi. Jabatan ini juga giat menerbitkan buku atau risalah untuk tujuan penyebaran maklumat tentang tari tradisi di Malaysia dengan kerjasama daripada penyelidik akademik atau penggiat seni (Rajab, 2003; Ahmad Omar, 2005; Syed Mahadzir & Awaludin, 2009). Penyampaian buku pengajian tari ini adalah berbentuk naratif dan retorik. Semua buku ini biasanya mengandungi notasi tari yang mudah sama ada dalam bentuk ilustrasi lakaran manusia atau foto dengan deskripsi untuk membenarkan pembaca membayangkan rupa persembahan sesuatu tari.

Pihak JKKN turut menerbitkan modul yang khas digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran kepada golongan awam yang berminat (Mardiana, 2015; JKKN, 2015) untuk dijadikan rujukan utama bagi pengisian program promosi seni tari JKKN. Modul InspiTari yang merakamkan tarian gubahan baharu telah diterbitkan (Mohd Zin & Zuriah, 2015; Zuriah, 2016a & 2016b). Festival InspiTari merupakan satu platform persembahan yang menggalakkan pengkaryaan tarian gubahan baharu. Setiap cawangan JKKN Negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur wajib menyertai dan mempersembahkan kreasi masing-masing yang berunsurkan ciri-ciri budaya alam tempatan seperti permainan, persembahan tradisional, kegiatan domestik, legenda atau dongeng, ciri-ciri geografi dan demografi. Melalui festival ini, JKKN

⁴ Sila rujuk laman web JKKN <http://www.jkkn.gov.my/ms> untuk keterangan lanjut.

menggalakkan artisnya menjalankan kajian etnografi dan rekonstruksi terhadap amalan tari atau gerak tempatan yang semakin dilupakan serta merangsang perekaan ragam atau tarian baharu yang menonjolkan identiti tempatan.

Notasi ciptaan JKKN terdiri daripada deskripsi dan foto (Rajah 1.4). Sesuatu tari boleh dipecahkan kepada ragam dan sesuatu ragam dipecahkan kepada posisi yang “dibekukan” melalui foto penari. Pembaca perlu menyambungkan posisi foto dan menjadikannya satu siri pergerakan yang lancar. Deskripsi gerak diadakan di sebelah foto untuk menjelaskan kiraan, laluan dan aras pergerakan yang tidak dapat dimaklumkan melalui foto. Modul ini ialah bahan medium yang penting untuk dibincangkan dalam tesis ini.

Skor notasi yang direka oleh YWJ dan JKKN tidak merakamkan seluruh tari tetapi hanya menotasikan ragam asas yang dipilih. Pembaca skor tidak dapat mempersembahkan sesuatu karya tari yang lengkap seperti skor muzik. Namun, pembaca boleh menarik semula ragam asas tari yang berperanan sebagai bahan mentah bagi pembentukan sebuah komposisi tari. Bahan mentah ini sentiasa bersedia dimanipulasikan dan diubahsuaikan oleh koreografer dalam menghasilkan karya tari. Pihak YWJ dan JKKN bertanggungjawab untuk menotasikan ragam zapin dan tarian gubahan baharu yang generik tetapi masih mampu memaparkan karakteristik tari masing-masing.



Rajah 1.4 Notasi ciptaan JKKN untuk ragam Iluk Semandak Setempat daripada tarian Iluk Semandak melalui deskripsi dan foto (Sumber: Mohd Zin & Zuriah, 2015, hlm.126)

Pengenalan sistem notasi daripada YWJ dan JKKN mencabar cara pengajaran dan pembelajaran konvensional bagi tari rakyat Melayu yang lazimnya melalui lisan dan peniruan gerak. Kewujudan sistem notasi ini juga mencabar tanggapan stereotaip terhadap notasi yang biasanya dianggap sebagai bahan arkib yang rumit atau eksklusif

dengan kod rahsia. Pihak YWJ menitikberatkan pergerakan kaki sebagai satu karakteristik zapin yang amat dominan. Pihak JKKN pula merakamkan gerak untuk semua bahagian badan dari kepala, *torso*, lengan, tangan dan kaki kerana tarian gubahan baharu Melayu yang dihasilkan oleh artis budaya JKKN adalah ekspresif, melangkau ruang sama ada kinesfera peribadi atau ruang pentas (melalui pembentukan pola lantai). Tesis ini ingin memberikan cadangan agar sistem notasi yang dihasilkan oleh kedua-dua badan kerajaan tersebut mudah diakses oleh orang umum serta bersifat praktikal untuk golongan pengamal seni tari seperti penari, jurulatih, koreografer, pengajar dan pelajar. Pada masa yang sama, pengkaji mempercayai bahawa notasi ciptaan mereka adalah sesuai untuk mencatatkan genre tari amalan masing-masing kerana mereka tidak berniat untuk mewujudkan sistem notasi yang bersifat universal seperti yang dituntut oleh Labanotasi (Barbacci, 2002).

Pengkaji menyedari bahawa perkembangan dan kepenggunaan notasi tari rakyat Melayu di Semenanjung Malaysia merupakan satu bidang yang kurang dibahaskan secara akademik walaupun aplikasinya telah wujud lebih daripada dua dekad. Tesis ini berniat untuk menerokai kepenggunaan notasi pada masa ini di Semenanjung Malaysia melalui kajian kes YWJ dan JKKN, dan seterusnya mengemukakan peranan baharu bagi amalan notasi tari rakyat Melayu dalam industri dan pendidikan tari.

1.2 Permasalahan Kajian

1.2.1 Kekurangan Literatur dalam Kaedah Pengnotasian

Williams (2004) mengakui bahawa kebanyakan sistem pergerakan manusia telah hilang kerana amalan dokumentasi dan pemeliharaan tari adalah kurang dimanfaatkan oleh kekuatan literasi.

The facts are that (1) the dance and human movement studies have lagged far behind music and speech in the history of Western scholarly traditions (and in other traditions, say, Asian and Islamic as well), and (2) the long-standing condition of nonliteracy simply means that there is a great deal that we will never know regarding dances, sign languages, rituals, and ceremonies (hlm.79).

Dalam membangunkan literatur tari, notasi tari merupakan salah satu kaedah yang penting dalam merakamkan dan menghuraikan pergerakan sehingga ke tahap sekurang-kurangnya membolehkan pembaca membayangkan gambaran keseluruhan sesuatu tari atau lebih sempurna boleh mempersembahkan semula sesuatu tari itu.

Dalam perkembangan sistem notasi tari rakyat Melayu (merujuk ciptaan ilustrasi dan deskripsi tersendiri) di Semenanjung Malaysia, penggunaan pelbagai kaedah pengnotasian adalah kurang dicatatkan dalam pengajian tari tempatan sementara ini. Kaedah pengnotasian mereka adalah spesifik untuk memenuhi keperluan dokumentasi tari yang berbeza. Dengan erti kata lain, jika kita mengetahui perkembangan penciptaan kaedah pengnotasian tersebut, kita boleh meningkatkan pemahaman terhadap teknik dan nilai estetik yang diutamakan oleh golongan pengamal seni tari yang berasal daripada lapisan akar umbi.

Dalam dunia akademik pengajian tari rakyat Melayu, kemunculan penciptaan notasi yang tersendiri telah berlaku sejak 1960-an. Skor notasi ini telah menjadi salah

satu alternatif untuk pengukuhan dokumentasi tari dalam kalangan penyelidik akademik yang menggunakan pendekatan etnologi tari sebagai trajektori penyelidikan (Daud, 1965; Mohd Ghouse, 1979, 1994; Mohd Anis, 1986, 1993b, 1998). Senarai naskhah yang disebutkan dalam kurungan sama ada diterbitkan atau tidak telah ‘menunjukkan’ sebahagian ragam atau motif gerak supaya sesuatu ragam atau motif itu boleh dibayangkan, dilaksanakan atau dirasakan oleh pembaca, dan kemudian menghubungkan gerak dengan konteks budaya, estetik dan falsafah yang berkaitan. Terdapat antara penyelidik tari seperti Mohd Anis Md Nor pernah dilatih dalam pengajian Labanotasi.

Walau bagaimanapun, golongan akademik tari rakyat Melayu ini merupakan golongan yang minor berbanding dengan komuniti penggiat seni tari rakyat Melayu yang juga ingin memelihara dan melestarikan amalan tari masing-masing. Untuk menyampaikan bentuk dan cara pergerakan, skor notasi ciptaan tersendiri dipilih sebagai dokumentasi edaran dan bahan rujukan. Labanotasi yang rumit bukan pilihan bagi golongan penggiat tari yang praktikal. Mereka lebih gemar menghasilkan notasi yang lebih mesra pengguna, lebih mudah diakses melalui rajah atau pengungkapan perkataan yang berterus-terang maksudnya.

Organisasi seni tari seperti YWJ dan JKKN merupakan agensi yang giat memelihara dan mempromosikan seni tari Melayu. Kedua-dua organisasi ini telah menciptakan sistem notasi tari rakyat Melayu masing-masing. YWJ menciptakan dua sistem notasi berbentuk tapak kaki (yang banyak dipengaruhi oleh pengetahuan Labanotasi) untuk merakamkan pelbagai zapin yang terdapat di negeri Johor manakal

pihak JKKN menggunakan notasi gabungan ilustrasi dan deskripsi untuk mendokumentasikan tarian gubahan baharu daripada Festival InspiTari.

Selain kedua-dua badan kerajaan ini, komuniti pengamal sistem struktur pergerakan (*structured movement system*) yang bukan tari seperti pertubuhan seni pertahanan diri, pengguna bahasa isyarat, pengamal sukan dan lain-lain lagi turut menghasilkan notasi mereka yang tersendiri tanpa mempertimbangkan penggunaan Labanotasi atau Notasi Benesh. Dengan erti kata yang lain, fenomena penciptaan dan penggunaan notasi yang tersendiri telah lama wujud dalam kalangan pengamal seni gerak.

Sistem notasi yang tersendiri ini tidak asing dalam pembelajaran dan pengajaran tari. Walau bagaimanapun, belum ada kajian atau naskhah yang khusus untuk meletakkan kaedah pengnotasian sistem notasi tari rakyat Melayu sebagai subjek kajian utama. Selain itu, belum ada pihak yang melakukan kajian ke atas pengklasifikasian terhadap kaedah pengnotasian dan memahami hubung kait antara kaedah pengnotasian yang sedia wujud dalam industri tari sama ada deskripsi atau ilustrasi.

Suara dan pendapat daripada pengamal notasi ciptaan tersendiri yang selama ini menyumbang kepada pembangunan tari tempatan melalui deskripsi dan ilustrasi masih tidak diketahui. Walaupun YWJ dan JKKN memiliki kakitangan dan pakar rujuk yang tersendiri dalam pembinaan sistem notasi masing-masing, namun proses pembentukan dan kesungguhan mereka jarang ditimbulkan dalam perbincangan.

Dengan memilih YWJ dan JKKN sebagai kajian kes, tesis ini berhasrat mengumpulkan respons dan pengalaman daripada pencipta, pengamal dan pengguna notasi hasil YWJ dan JKKN yang pelbagai demi menjelaskan kaedah pengnotasian bagi tujuan penerangan struktur tari, pelestarian serta pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, tesis ini boleh merangkakan sejarah perkembangan sistem notasi tari rakyat Melayu yang pernah dan sedang menyumbang bagi aspek penyelidikan, dokumentasi, pemeliharaan, promosi dan pendidikan seni tari Melayu. Dalam pada itu, pengkaji percaya bahawa melalui pemahaman kaedah pengnotasian untuk tari rakyat Melayu, maklumat tambahan terhadap latar belakang dan keberadaan tari Melayu yang berkaitan turut didalami. Tesis ini berniat untuk mengisi kekurangan yang tertinggal dalam sejarah dan perkembangan tari tempatan yang berkaitan dengan pengnotasian sebagai satu kaedah dokumentasi.

1.2.2 Limitasi Pemahaman Peranan Notasi Tari Rakyat Melayu

Dalam persoalan tentang keperluan notasi mengikut konteks tari klasik Barat atau balet, Guest (1984) mencadangkan notasi perlu memainkan peranan yang amat penting dalam pemeliharaan repertoir koreografi, menggalakkan produksi baharu dan mempercepatkan proses pemugaran, memahami pergerakan, menyebarkan pengetahuan serta mementingkan ketepatan maklumat seperti notasi muzik dan bahasa. Berdasarkan cadangan Guest, tesis ini menerokai peranan yang boleh dimainkan oleh notasi tari rakyat Melayu, terutamanya dalam era yang mementingkan ekspresi individu, kreativiti dan kecapaian melalui rangkaian Internet.

Cadangan peranan notasi Guest yang disebutkan telah dibuktikan melalui beberapa kes atau dapatan. Dalam aspek Labanotasi memainkan peranan sebagai

dokumentasi dan pemeliharaan repertoir, Guest sendiri yang telah memulihkan *Afternoon of a Faun* (yang pertama ditayangkan pada 1912), satu karya agung balet yang telah lama hilang, dan hal ini membolehkan pelajar seni tari mendalami teknik, nilai estetik dan makna karya agung itu sebagai posisi orang pertama (Seidman, 2015). Dalam aspek Labanotasi memainkan peranan sebagai bahan pengukuhan pemahaman pergerakan dan penyebaran pengetahuan, dapatan empirikal kajian kuantitatif daripada Edward C. Warburton (2000) telah menunjukkan penyampaian konsep pergerakan melalui penggunaan simbol Labanotasi dalam pengajaran tari mempunyai kesan yang memberangsangkan berbanding dengan pengajaran konvensional. Selain itu, dapatan empirikal kajian kuantitatif daripada János Fügedi (2003) pula menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran tari melalui penggunaan notasi adalah lebih berkembang maju daripada pembelajaran tari melalui video.

Kajian yang disebutkan ini mengukuhkan kepentingan peranan Labanotasi. Namun begitu, kajian ini masih belum lagi dibuktikan di Malaysia kerana penggunaan Labanotasi adalah kurang popular dalam kalangan pengamal seni tari berbanding dengan notasi ciptaan. Walau bagaimanapun, tesis ini tidak menjalankan kajian kuantitatif ke atas keberkesanan notasi tari rakyat Melayu. Dapatan keberkesanan Labanotasi ini boleh dijadikan rujukan dalam merangka dan meramalkan peranan yang boleh dimainkan oleh notasi tari rakyat Melayu.

Tesis ini ingin menghargai sumbangan notasi tari rakyat Melayu dalam pemuliharaan, pelestarian dan penyebaran amalan tari melalui kajian kes utama YWJ dan JKKN. Selain itu, tesis ini ingin menerokai kemungkinan peranan notasi yang menjangkau daripada tujuan pemuliharaan, pelestarian dan penyebaran pengetahuan

yang lazimnya disinonimkan dengan notasi muzik. Melalui kajian etnografi yang memahami niat komuniti pengasas notasi dari dalaman, tesis ini ingin memahami pelbagai peranan notasi tari rakyat Melayu yang sedia ada serta peranan alternatif yang jarang dikesan daripada pemahaman konvensional.

Tesis ini turut mencadangkan notasi memainkan peranan penting yang dapat mengubah konvensi pengajaran dan pembelajaran tari rakyat Melayu yang pada umumnya dilakukan secara lisan dan pendekatan berpusatkan guru. Melalui kajian kes YWJ dan JKKN, tesis ini menyarankan kaedah pengajaran dan pembelajaran tari melalui notasi untuk menggalakkan pembelajaran secara berdikari dan terbuka dalam kalangan peminat seni tari. Pembelajaran tari melalui skor dipercayai boleh meningkatkan tahap literasi dalam kalangan peminat seni tari kerana melibatkan amalan teori dan praktikal.

Tesis ini turut memerhati peranan sistem notasi YWJ dan JKKN yang melangkaui tujuan pemuliharaan, pelestarian, penyebaran serta pengajaran dan pembelajaran. Dalam pasaran pembelajaran tari Melayu, peminat seni tari sebagai pelanggan mempunyai kebebasan untuk memilih guru atau institusi kegemaran sendiri berdasarkan haluan artistik masing-masing. Oleh itu, guru atau institusi yang menawarkan program latihan seni tari sememangnya menghadapi tahap persaingan yang tertentu. Tesis ini mencadangkan penciptaan notasi tersendiri memainkan peranan dalam meningkatkan daya persaingan institusi seni tari melalui autoriti profesionalisme seperti YWJ dan JKKN.

Tesis ini turut mengkaji sama ada notasi tari rakyat Melayu boleh memainkan peranan yang dapat mengembalikan penghayatan seni tari berdasarkan keindahan

semata-mata atau pelaksanaan teknik gerak, *dance for dance's sake*. Dengan mengandaikan notasi sebagai satu dokumentasi pergerakan tulen yang seharusnya bebas daripada persepsi perkauman dan perbezaan budaya, notasi mungkin boleh mengembalikan perasaan sensasi pergerakan yang tulen dalam kalangan peminat seni tari yang terdiri daripada masyarakat majmuk di Malaysia.

1.2.3 Ketidakpastian dalam Kebolegunaan Notasi Tari Rakyat Melayu

Royce (1977) mendapati struktur tari berubah untuk kesinambungan warisan, terutama apabila berlakunya adaptasi sesuatu tari yang dialihkan daripada keadaan asli ke pentas hiburan dan pelancongan. Tuntutan daripada pihak autoriti, faktor kewangan dan perubahan gaya hidup yang moden turut menyebabkan perubahan struktur tari. Oleh itu, untuk mengekalkan struktur dan bentuk tari pada masa yang tertentu, notasi digunakan supaya persembahan semula sesuatu tari pada zaman tertentu boleh dilakukan pada masa yang berlainan (Mohd Anis, 2014; Wang, 2012).

Dalam tesis ini, pelbagai zapin dari negeri Johor dan tarian gubahan baharu daripada Festival InspiTari dipilih untuk dinotasikan melalui sistem notasi yang dihasilkan oleh kedua-dua organisasi ini. Oleh itu, tahap kebolegunaan sesuatu sistem notasi yang boleh menyampaikan bentuk dan struktur gerak kepada golongan pembaca adalah sangat diutamakan. Berdasarkan kajian lapangan, pengkaji mendapati kedua-dua organisasi ini sememangnya telah menyedari kekeliruan atau ketidakpastian yang wujud dalam sistem notasi masing-masing. Ketidakpastian ini boleh menyebabkan interpretasi yang kurang tepat dalam mempersembahkan semula sesuatu tari. Biasanya, kedua-duanya menyedari masalah kebolegunaan ini setelah mendapat maklum balas daripada para pengguna skor.

Untuk meningkatkan tahap kebolegunaan untuk peminat seni tari daripada pelbagai lapisan masyarakat, kedua-dua organisasi ini mengintegrasikan pelbagai cara transkripsi tari seperti pengungkapan deskripsi, perekaan ilustrasi, adaptasi ke atas Labanotasi dan meminjaman terminologi daripada genre tari yang lain. Kedua-duanya adalah fleksibel kerana sentiasa mencari-cari dan berubah untuk menambah baik sistem notasi mereka dari semasa ke semasa supaya hasil ciptaan mereka lebih praktikal dan mesra pengguna. Tindakan mereka ini sebenarnya mencabar tanggapan stereotaip terhadap notasi sebagai satu bahan arkib yang rumit dengan pemahaman kod rahsia.

Tesis ini menganalisis cara pencipta dan pengamal notasi tari rakyat Melayu (melalui kajian kes YWJ dan JKKN) meningkatkan tahap kebolegunaan notasi daripada peringkat memecahkan tari kepada unit yang lebih ringkas untuk dinotasikan sehingga kepada pengajaran pergerakan yang teknikal melalui kertas demi menyampaikan struktur dan bentuk gerak dengan tepatnya. Tesis ini menunjukkan sistem notasi YWJ dan JKKN adalah sesuatu yang boleh diubah. Tiada satu sistem notasi tunggal yang bersifat mutlak demi meningkatkan kebolegunaan sistem notasi yang tersendiri. Berdasarkan dapatan daripada kajian kes YWJ dan JKKN serta pelbagai sistem pengnotasian yang pernah digunakan oleh perintis pengajian akademik tari tempatan, tesis ini ingin mencadangkan satu sistem notasi tari yang sesuai diamalkan berdasarkan konvensi tari rakyat Melayu tempatan.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan tinjauan dan kajian literatur yang berkaitan dengan notasi tari rakyat Melayu, tesis ini berniat untuk menjelaskan beberapa soalan penyelidikan seperti yang berikut:

1. Bagaimanakah kemunculan dan keberadaan kaedah pengnotasian bagi sistem notasi tari rakyat Melayu yang sedia wujud di Semenanjung Malaysia?
2. Melalui kajian kes YWJ dan JKKN, apakah peranan notasi tari rakyat Melayu yang terkini? Bagaimanakah sistem notasi ini menyampaikan struktur dan bentuk tari rakyat Melayu?
3. Bagaimanakah sistem notasi tari yang sesuai diamalkan berdasarkan konvensi tari rakyat Melayu tempatan?

1.4 Objektif Kajian

Tesis ini merupakan satu penyelidikan primer yang berkaitan dengan sistem notasi tari rakyat Melayu yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Pengkaji ingin memenuhi objektif seperti yang berikut:

1. Mengidentifikasikan pelbagai kaedah pengnotasian sistem notasi tari rakyat Melayu yang sedia wujud di Semenanjung Malaysia.
2. Menganalisis peranan notasi tari melalui kajian kes YWJ dan JKKN yang menekankan penyampaian struktur dan bentuk tari rakyat Melayu.
3. Mencadangkan satu sistem notasi tari yang sesuai diamalkan berdasarkan konvensi tari rakyat Melayu tempatan.

Bagi mencapai objektif pertama, sistem notasi tari yang digunakan dalam pengajian tari klasik Melayu (Marion, 1979; Mohd Ghouse, 1979; Ahmad Omar, 2005)

turut diambil kira dan dikaji. Hal ini disebabkan oleh ketiga-tiganya yang merupakan perintis notator bidang akademik telah menetapkan penanda aras dalam kaedah pengnotasian tari Melayu. Permasalahan, persoalan dan objektif kajian ini dirumuskan seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Rumusan untuk permasalahan, persoalan dan objektif kajian

Permasalahan Kajian	Persoalan Kajian	Objektif Kajian
Kekurangan literatur dalam menerangkan keberadaan pelbagai kaedah pengnotasian sistem notasi tari rakyat Melayu yang sedia wujud di Semenanjung Malaysia.	Bagaimanakah keberadaan pelbagai kaedah pengnotasian sistem notasi tari rakyat Melayu yang sedia wujud di Semenanjung Malaysia?	Mengidentifikasikan pelbagai kaedah pengnotasian sistem notasi tari rakyat Melayu yang sedia wujud di Semenanjung Malaysia.
Limitasi terhadap pemahaman peranan dan fungsi notasi tari rakyat Melayu yang terkini dalam menyampaikan struktur dan bentuk tari rakyat Melayu melalui kajian kes YWJ dan JKKN.	Melalui kajian kes YWJ dan JKKN, apakah peranan notasi tari rakyat Melayu yang terkini dan bagaimanakah sistem notasi ini menyampaikan struktur dan bentuk tari rakyat Melayu?	Menganalisis peranan notasi tari melalui kajian kes YWJ dan JKKN yang menekankan penyampaian struktur dan bentuk tari rakyat Melayu.
Ketidakpastian dalam kebolegunaan notasi untuk tujuan meneruskan kesinambungan warisan tari rakyat Melayu.	Bagaimanakah sistem notasi tari yang sesuai diamalkan berdasarkan konvensi tari rakyat Melayu tempatan?	Mencadangkan satu sistem notasi tari yang sesuai diamalkan berdasarkan konvensi tari rakyat Melayu tempatan.

1.5 Kepentingan Kajian

Tesis ini merupakan penyelidikan perintis yang berkaitan dengan sistem notasi tari rakyat Melayu dalam konteks perkembangan industri seni tari tempatan. Tesis ini menunjukkan notasi tari rakyat Melayu yang selama ini digunakan sebagai salah satu

peralatan dalam kaedah penyelidikan serta pengajaran dan pembelajaran sememangnya mempunyai nilai untuk wacana akademik yang tersendiri. Tesis ini mengisi kekurangan dalam perkembangan sejarah tari tempatan yang sering menumpukan perhatian kepada genre tari tetapi bukan kaedah penyelidikan tari.

Tesis ini juga mengidentifikasikan pelbagai kaedah pengnotasian sistem notasi tari rakyat Melayu yang sedia wujud di Semenanjung Malaysia di samping mewacanakan cara-cara kepenggunaan dan fungsi notasi yang signifikan dalam konteks kepenggunaan dokumentasi gerak. Tesis ini adalah penting dalam menjelaskan kebijaksanaan dan fleksibiliti pengamal notasi yang mengintegrasikan pelbagai kaedah transkripsi tari seperti pengungkapan deskripsi, perekaan ilustrasi dan adaptasi ke atas Labanotasi. Tesis ini menghargai usaha yang gigih dalam kalangan petugas yang mengasaskan notasi kerana hasil kerja mereka telah meluaskan akses yang saksama kepada amalan tari kepada kalangan umum seperti yang disarankan oleh UNESCO dalam mengendalikan warisan budaya tidak ketara.

Tesis ini turut menghargai perkongsian warisan tari rakyat Melayu yang boleh dilaksanakan bukan melalui konvensi pengajaran dan pembelajaran warisan tari secara lisan tetapi melalui dokumentasi. Dokumentasi membolehkan pengajaran dan pembelajaran yang berdikari, terbuka dan praktikal seiring dengan perkembangan pembelajaran sepanjang hayat yang disarankan oleh kerajaan. Selain mengkaji dokumentasi yang boleh menyampaikan struktur dan bentuk pergerakan, tesis ini juga mengkaji aspek artistik yang berkaitan demi tujuan pemuliharaan dan pelestarian yang menyeluruh bagi sesuatu amalan tari.

Dokumentasi dalam bentuk notasi menunjukkan komitmen sesuatu institusi memastikan kesinambungan sesuatu warisan tari dan kualiti amalan sesuatu tari menjadi sentiasa konsisten. Penciptaan dan penerbitan skor notasi tersendiri ini meningkatkan autoriti profesionalisme sesebuah institusi dan terus menyemarakkan perasaan bangga dalam kalangan pengikut institusi masing-masing. Notasi yang mempromosikan apresiasi dalam kalangan peminat seni tari tempatan melalui pergerakan tulen tanpa pertimbangan perkauman merupakan satu tindakan yang bukan hanya menggalakkan kesinambungan warisan tetapi satu interaksi dan perkongsian budaya yang bersifat liberal.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian tesis ini tertumpu di kawasan Lembah Klang, iaitu di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), JKKN dan individu yang berkaitan seperti koreografer dan penari yang aktif menjalankan kegiatan tari rakyat Melayu dan penggunaan notasi. Lokasi kajian turut melibatkan Johor Bahru, tempat letaknya pusat pejabat YWJ. Kawasan Lembah Klang dan Johor Bahru merupakan dua lokasi yang penting dalam pengumpulan data. Skop kajian ini tidak melibatkan Sabah dan Sarawak kerana aktiviti kepenggunaan notasi kurang dikesan pada waktu ini.

Perbincangan tesis ini tertumpu kepada perkembangan dan kepenggunaan notasi yang lama digunakan dalam tari rakyat Melayu. Namun begitu, perkembangan Labanotasi dalam domain IPTA turut memainkan peranan yang penting kerana mempunyai pengaruh yang tertentu, terutamanya kepada penggiat seni tari yang berkelulusan dari IPTA. Labanotasi diperkenalkan oleh beberapa perintis analisis gerak dan pakar etnokoreologi tempatan, terutama Mohd Anis Md Nor. Labanotasi

telah diperkenalkan dalam dunia akademik dan menjadi salah satu kaedah penyelidikan Barat yang berprestij dan hanya diakses oleh para pelajar IPTA. Pandangan daripada tenaga pengajar Labanotasi yang bertanggungjawab di IPTA adalah penting dalam pengumpulan data.

Sistem notasi tari rakyat Melayu dihasilkan melalui pelbagai komuniti pengamal tari demi pelbagai tujuan seperti dokumentasi, promosi, pemuliharaan, pelestarian serta pengajaran dan pembelajaran. Dalam perbincangan tesis ini, pihak YWJ didapati menghasilkan dua sistem notasi untuk tujuan kejurulatihan dan promosi. Sistem pertama terdiri daripada lakaran tapak kaki yang mudah, manakala sistem kedua merupakan hasil adaptasi daripada pengetahuan Labanotasi. Pihak JKKN pula meneruskan repertoir tarian gubahan baharu melalui sistem notasi mereka yang menggabungkan ilustrasi dan deskripsi. Pihak pengarang, panel pembentukan buku dan penerbit daripada YWJ dan JKKN ditemu ramah. Ketiga-tiga sistem produk budaya ini diselidiki agar dapat mengenal pasti ciri-ciri kepenggunaan serta representasi yang diwujudkan melalui notasi yang tersendiri.

1.7 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan pendirian dan kewajaran tesis ini yang meletakkan notasi tari rakyat Melayu sebagai subjek utama kajian. Perkembangan dan kepenggunaan notasi ciptaan tersendiri ini sering diketepikan dalam pembangunan tari tempatan walaupun memainkan peranan yang penting dalam pelestarian sesuatu genre tari terutama bagi genre tari yang ingin mendapat perhatian yang meluas. Tesis ini menggunakan YWJ dan JKKN sebagai kajian kes yang bergiat aktif dalam dokumentasi dan penyelidikan serta mendirikan sistem notasi tersendiri. Pihak YWJ

sebagai institusi pelestarian warisan budaya pada peringkat negeri bertekad untuk memartabatkan Zapin Melayu Johor sebagai kegiatan identiti warga Johor, manakala JKKN sebagai agensi penggerak seni budaya pada peringkat persekutuan berniat mempromosikan tarian gubahan baharu yang dihasilkan berdasarkan acuan tari rakyat Melayu. Penghubungkaitan antara permasalahan, persoalan dan objektif kajian yang disenaraikan dalam Jadual 1.1 dijadikan panduan dalam merangka arah tuju penyelidikan ini.

Tesis ini menerangkan fenomena penggunaan, pemerhatian, adaptasi dan integrasi pengetahuan notasi yang pelbagai sehingga membolehkan mereka mencipta cara pengnotasian baharu yang sesuai dengan perkembangan tari semasa demi mencapai kepentingan yang berkaitan dengan dokumentasi, promosi, pendidikan dan kebebasan ekspresi melalui seni tari.